

Received: 03 May 2020; Accepted: 07 December 2020

Tafsir 'Ilmi di Institut Pengajian Tinggi: Sorotan Literatur

Ahmad Fakhrurrazi Bin Mohammed Zabidi¹, Nurul Iman Izzah Binti Harun² (Corresponding author)

& Mahfuzah Binti Mohammed Zabidi³

Email: ¹izzar@ukm.edu.my & ²nurulimanizzah94@gmail.com

¹Pensyarah Kanan Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

²Calon Sarjana Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

³Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA
(Kampus Pasir Gudang), 81750 Masai, Johor, Malaysia

Abstrak

Penyelidikan dan penulisan berkenaan tafsir secara saintifik telah berkembang dalam institusi pendidikan tinggi (IPT) di Malaysia seiring dengan perkembangan sains dan teknologi. Makalah ini adalah berbentuk kajian tinjauan literatur yang bertujuan menganalisis pola dan corak penerbitan artikel jurnal berkenaan tafsir 'ilmi oleh para sarjana di insitusi pengajian tinggi di Malaysia. Penerbitan yang dipilih adalah daripada tahun 2014 sehingga 2019 yang diterbitkan oleh IPT dalam Malaysia sahaja. Metodologi pensejarahan digunakan bagi meneliti artikel-artikel jurnal tersebut. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan kaedah deskriptif bertema dan diasingkan mengikut kategori tertentu. Hasil kajian mendapati pola tertinggi dalam kajian tafsir 'ilmi di Malaysia adalah dalam bidang pendidikan selain dari bidang kajian kalimah, terjemahan, tokoh, teori, astronomi, kesihatan, warna, angka dan kejadian manusia. Semua bidang ini menunjukkan peningkatan dan perkembangan yang positif saban tahun. Bidang kajian tafsir 'ilmi juga boleh disepadukan dengan konsep lataif quraniyah agar umat dapat berinteraksi dengan Al-Quran secara lebih berkesan dan seterusnya merealisasikan Sustainable Development Goals (SDG) dalam lembayung Qurani yang holistik dan sejahtera.

Kata kunci: Tafsir 'Ilmi, Sains Tauhidik, Lataif Quraniyah, Pendidikan Islam, Sustainable Development Goals (SDG)

Tafsir 'Ilmi in Higher Education Institutions: Literature Review

Abstract

Research and publication regarding the scientific exegesis had begun to grow in Malaysian higher education institutions with the development of science and technology. This article using literature review research and aims to analyze the style and pattern of journal articles on the interpretation of tafsir 'ilmi by scholars in Malaysian higher education institutions from previous publications from the year 2014 to 2019 only. The comparative methodology was used to examine the articles. The obtained data were coordinated by using thematic analysis and separated by specific categories. The results showed that the highest subject discussed within the issue of tafsir 'ilmi in Malaysia is in the field of education. Then followed by several other issues such as, the topics of words, translation, public figure, theory, astronomy, health, colours, numbers and human creation. All of these risen issues showed positive progress and improvement throughout the year. The study on tafsir 'ilmi can be further integrated with the concept of *lataif quraniyah* to give advantages for the *ummah* to interact with the Quran and to accomplish it in the Sustainable Development Goals (SDG) holistically.

Keywords: Tafsir 'Ilmi, Tauhidic Scientific Exegesis, Lataif Quraniyah, Islamic Education, Sustainable Development Goals (SDG),

1. Pengenalan

Pentafsiran al-Quran secara ‘ilmī dan saintifik adalah salah satu kaedah yang semakin mendapat perhatian oleh para sarjana sesuai dengan perkembangan sains dan teknologi masa kini. Pendekatan seumpama ini dinamakan sebagai tafsīr ‘ilmī. Ia biasanya berkait rapat dengan ayat kawniyah yang diteliti dengan mengambil kira perspektif kajian sains masa kini. Pada masa yang sama, ia menonjolkan hikmah dan elemen pendidikan pemantapan tauhid melalui kejadian alam semesta.

Artikel ini bertujuan untuk melihat corak dan pola bidang kajian tafsīr ‘ilmī dalam penerbitan artikel jurnal IPT awam di Malaysia daripada tahun 2014 sehingga 2019, yakni hanya untuk lima tahun terkini sahaja. Metodologi yang digunakan ialah analisis kandungan terhadap artikel yang diterbitkan. Beberapa kata kunci telah digunakan dalam proses mendapatkan maklumat seperti tafsir sains tauhidik, tafsīr ‘ilmī dan tafsir sains al-Quran. Data kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah deskriptif bertema dan dibahagikan mengikut kategori dan sub-topik dalam kerangka tafsīr ‘ilmī. Justifikasi pemilihan tema adalah berdasarkan dimensi ayat kawniyah yang dirujuk kepada semua jenis ciptaan yang terdapat di alam semesta seperti air, awan, tanah, haiwan, matahari, tumbuhan dan langit (Ahmad Bazli Ahmad Hilmi 2014).

Pendekatan tafsīr ‘ilmī ini telah diisyaratkan oleh Rasulullah saw sendiri. Baginda menyatakan bahawa ayat *وَالشَّمْسُ تَحْرِي لِمَسْقُولِهَا* dalam Surah Yāsin ayat 38 yang bermaksud ‘Dan matahari ia kelihatan beredar di tempat yang ditetapkan baginya’. Tempat peredaran matahari yang dimaksudkan adalah di bawah langit. Antara individu terawal yang membincangkan mengenai kaedah ini dalam tafsir ialah Imam al-Ghazali (m.505H) melalui penulisan kitab Ihya’ ‘Ulum al-Dīn dan Jawahir al-Quran. Beliau menyebut bahawa al-Quran bersifat i’jaz hatta apabila diperhubungkan dengan pelbagai bidang keilmuan, merangkumi pelbagai ilmu termasuk ilmu falak, astronomi dan perubatan. Kemudian muncul Imam Fakhrudin al-Razi (m.606H) meneruskan kerja buat Imam al-Ghazali melalui penulisan tafsir Mafātih al-Ghaib yang turut memuatkan dan membicarakan perihal sains dan falsafah dalam al-Quran (Ahmad Bazli Ahmad Hilmi 2014).

Tafsir kontemporari yang lengkap dan mendominasi kaedah tafsīr ‘ilmī dengan jelas adalah tafsir yang ditulis oleh Tantawi Jauhari (m.1940M) yang memberi penjelasan berdasarkan fakta sains moden mengikut suasana zaman ketika itu. Karya ini adalah sebagai respon beliau yang melihat tafsiran berkenaan ayat kawniyah tidak diberi penekanan yang sewajarnya berbanding tafsiran-tafsiran yang berkaitan bidang bayānī, fiqhī, qasāṣī, dan sebagainya.

Istilah science diperkenalkan Barat sejak abad ke-17 Masihi diambil daripada bahasa Latin yang bermakna ilmu. Dari segi istilah ia bermaksud analisis fenomena alam tabii secara sistematik dengan kaedah khusus yang diaplikasikan untuk mewujudkan penumpuan pengetahuan yang dipercayai. Selain itu, sains juga merujuk kepada fakta yang diambil secara tersusun dan bersistem (Nor Syamimi Mohd, Haziyah Husin & Wan Nasryrudin Wan Abdullah 2017).

Oleh kerana istilah sains yang diperkenalkan Barat hanya bergantung kepada akal manusia dan menolak adanya kuasa Tuhan, maka istilah ‘sains tauhidik’ diketengahkan sebagai pelengkap kepada konsep tafsīr ‘ilmī. Istilah tafsīr ‘ilmī merujuk kepada tafsir yang membincangkan aspek ilmiah (saintifik) dalam ibarat ayat al-Quran dan berusaha mengeluarkan pelbagai bidang ilmu dan pandangan falsafah daripadanya (Al-Dhahabī 2000). Takrifan ini dipilih oleh Amin Khulli seperti yang dinyatakan oleh al-Rumi (1997). Abu Hajar (1991) pula mensyaratkan supaya tafsīr ‘ilmī perlu berdasarkan kepada fakta yang dapat dibuktikan kebenarannya dari sudut sains dan ilmu pengetahuan moden secara pasti.

Menurut Yūsuf al-Qardāwī dalam karyanya Kayfa Nata’āmal Ma’ al-Quran al-‘Azīm, tafsīr ‘ilmī bermaksud tafsir yang mengandungi ilmu kejadian alam sekitar dari sudut hakikat dan teori untuk menjelaskan asas dan maksud di dalamnya (Yūsuf al-Qardāwī 2000). Ia diikuti oleh Mazlan (2002) menyatakan bahawa tafsīr ‘ilmī ialah tafsir yang membincangkan lafaz ayat kawniyah yang ada dalam al-Quran dan mentafsirkannya berpandukan teori dan penemuan sains moden yang tetap dan tidak berubah untuk membuktikan al-Quran adalah mukjizat dari Allah bukannya ciptaan manusia. Ini disokong oleh Ahmad Bazli (2014) yang berpendapat bahawa tafsīr ‘ilmī ialah ijtihad dalam pentafsiran al-Quran berorientasikan sains dalam usaha menjelaskan makna saintifik terhadap ayat al-Quran terutamanya berkenaan persoalan ayat penciptaan yang menepati analisis sains untuk membuktikan kebenaran al-Quran sebagai mukjizat yang kekal sepanjang zaman.

Kemudian, definisi tafsīr ‘ilmī yang diberi nilai tambah sebagai tafsir yang menjelaskan makna ayat al-Quran tertentu berpandukan penemuan sains moden yang tetap lagi sahih dan berteraskan konsep sains tauhidik. Ia adalah sains yang menjelaskan fenomena alam yang ada di persekitaran dan alam sekeliling yang

dikaji dengan penegasan bahawa semua yang berlaku ditentukan oleh kuasa mutlak yang dimiliki Allah bukan bergantung kepada kehendak alam itu sendiri (Nor Syamimi Mohd, Haziyah Husin & Wan Nasryudin Wan Abdullah 2017). Penulisan makalah ini menggunakan istilah tafsir ‘ilmī kerana lebih bersesuaian dengan kandungan dan tujuan kajian.

Sains tauhidik adalah istilah baru yang datang kemudian selepas tafsir ‘ilmī. Antara gesaan yang mendorong sarjana muslim untuk memperkenalkan istilah ini adalah kerana proses sekularisme, keruntuhannya sistem sosial dan kemunculan gerakan pejuang LGBT. Istilah ini diperkenalkan oleh Khalijah Mohd Salleh pada tahun 2009 dan dikembangkan oleh Mohd Yusof Othman (Mohd Yusof 2014). Konsep falsafah sains tauhidik ini merangkumi keseimbangan bersepada antara tiga elemen penting iaitu Tuhan, Manusia dan Alam. Sains tauhidik adalah pengetahuan tentang alam semesta yang dicerap oleh manusia yang bertugas sebagai khalifah untuk mentauhidkan Allah. Oleh itu istilah sains tauhidik ini diperkenalkan pada peringkat awal khususnya untuk merombak bidang pendidikan sekular demi mengembalikan dan memelihara keaslian sumber ilmu dalam Islam.

2. Dapatan Kajian

Artikel ini telah menganalisis tidak kurang daripada 50 buah artikel daripada tahun 2014 sehingga 2019 yang membincangkan elemen pentafsiran tafsir ‘ilmī yang mempunyai pelbagai tema dan kategori. Artikel yang dikumpul diasingkan kepada sepuluh topik mengikut bidang dan skop kajian, seperti yang dibentangkan dalam jadual-jadual berikut:

Jadual 1.1 Kajian Tafsir ‘Ilmī Berdasarkan Kalimah

Isu	Pengkaji	Tahun
Al-ard dan firash (mathāni)	Muhammad Mubarak Saipolbarin	2017
Al-kafur	Azree & Mazhar	2018
Digulung dan berjatuhan		2019

Jadual 1.1 menunjukkan kajian yang dilakukan berdasarkan sebuah kalimah atau perkataan dalam al-Quran yang dikaji dalam kerangka tafsir sains tauhidik. Kajian oleh Muhammad Mubarak Habib Mohamed (2017) berkenaan kalimah mathāni dalam surah al-Zumar ayat 23 yang bermaksud Allah menurunkan perkataan yang baik iaitu al-Quran yang serupa ayat-ayatnya dan berulang-ulang. Kajian ini merujuk kalimah mathāni dengan penciptaan bumi (al-ard) sebagai hamparan (firash). Saipolbarin Ramli (2018) pula membuat kajian tentang perkataan al-kafur yang dimaksudkan dengan istilah kapur barus yang digunakan oleh masyarakat ketika ini. Seterusnya, kajian oleh Azree S. Nazri & Mazhar Anuar (2019) berkenaan perkataan “digulung” dan “berjatuhan” dalam surah al-Takwīr yang diterjemahkan dalam kerangka sains moden astro-fizik. Ia bertujuan untuk menggambarkan fenomena alam dalam bahasa yang tepat tanpa mengubah maksud sebenar perkataan tersebut.

Jadual 1.2 Kajian Tafsir ‘Ilmī Berdasarkan Terjemahan

Isu	Pengkaji	Tahun
Namlah, ankabut, nahl	Ahmad Bazli	2014
Al-muzn, yasbahun	Ahmad Bazli	2015
‘Alaqah	Ahmad Bazli	2016
Adna al-Ard	Ahmad Bazli	2017

Jadual 2.1 menunjukkan kajian sains tauhidik yang bertemakan terjemahan al-Quran ke dalam bahasa Melayu. Bermula pada tahun 2014, Ahmad Bazli mencadangkan terjemahan perkataan namlah iaitu seekor semut betina, ‘ankabut iaitu labah-labah betina dan nahl iaitu lebah-lebah betina. Terjemahan ini perlu digunakan untuk mendapatkan maksud yang lebih tepat dalam kitab terjemahan al-Quran Bahasa Melayu (Ahmad Bazli 2014). Kemudian, beliau mengkaji pula maksud kalimah al-muzn yang bermaksud jenis awan yang membawa hujan dan kalimah yaṣbaḥun bagi matahari dan bulan yang lebih sesuai difahami dengan maksud seakan-akan berenang berbanding maksud beredar (Ahmad Bazli, Zulkifli Mohd Yusoff & Selamat Amir 2015). Begitu juga dengan makna kalimah ‘alaqah yang lebih sesuai ditafsirkan sebagai seketul daging yang mempunyai ciri-ciri seperti lintah berbanding seketul atau lapisan darah (Ahmad Bazli, Zulkifli Mohd Yusoff & Zulkarnain Zakaria 2016). Kajian beliau diteruskan berkenaan kalimah adna’al-ard dalam tafsir terjemahan bahawa maksud yang lebih tepat ialah ‘tempat bumi yang paling rendah altitudnya’. (Ahmad Bazli & Zulkifli Mohd Yusoff 2017).

Jadual 1.3 Kajian Tafsir ‘ilmī Berdasarkan Tokoh

Isu	Pengkaji	Tahun
Ibn al-Haytham	Mohd Shahmir Alias	2014, 2015
	Usep Muhammad Ishaq	2017
Abd al-Majid al-Zindani	Tazli Sham	2014
Al-Sya’rawi	Selamat Amir	2017
Hamka & Maraghi	Wan Helmy Shahriman et al.	2017
Yusof Othman	Hazwani Che Ab Rahman et al.	2017
Khalijah Salleh	Asyikin Hamdan et al.	2017
Sa’id al-Andalusi	Mohd Zamrus	2019
Al-Khawarizmi, al-Biruni, Ibn al-Haytham	Mohd Shahmir Alias	2019
Abdul Daem al-Kaheel	Lukman Afandi & Monika	2019

Jadual 1.3 mewakili tema kajian berkenaan sumbangan tokoh dalam bidang kajian tafsir ‘ilmī. Mohd Shahmir Alias (2014) telah mengenalpasti pemikiran sains Ibn al-Haytham yang berpegang dengan tauhid, akhlak dan kebenaran. Dalam kajian yang berasingan, beliau juga mendedahkan berkenaan pola penyelidikan saintifik Ibn al-Haytham iaitu ilmu tauhid adalah paksi diikuti dengan ilmu feqah dan akhlak yang menunjukkan percubaan Ibn al-Haytham untuk menggabungkan penyelidikan saintifik dengan ilmu Fardhu Ain (Mohd Syahmir Alias 2014). Kajian beliau diteruskan pada tahun berikutnya dengan menghuraikan enam konsep kebenaran yang dibawa oleh Ibn al-Haytham seperti kebenaran menolak pegangan taklid, kebenaran berdasarkan sunnatullah dan pembuktian matematik dalam mencapai kebenaran (Mohd Syahmir Alias 2015). Seterusnya, Ibn al-Haytham juga telah dikenalpasti mengetengahkan epistemologi falsafah sains dan kerangka ilmu alam tabii dalam Kitab Thamarah al-Hikmah. Beliau mementingkan elemen hikmah yang mampu melahirkan insan yang sempurna (Usep Muhammad Ishaq & Wan Mohd Nor Wan Daud 2017).

Selain Ibn al-Haytham, seorang lagi tokoh yang banyak memberi sumbangan dalam tafsir ‘ilmī. ialah Shaykh ‘Abd Majid al-Zindani. Beliau menyumbangkan buah fikirannya berkenaan konflik yang terjadi antara Islam dan sains. Menurutnya, metodologi khas perlu diteliti sebagai satu panduan untuk mengkaji ‘Ijaz ‘Ilmi (Tazli Sham Ab. Rahman & Monika@Munirah Abd. Razzak 2014). Idea ini dilihat telah diterapkan oleh Syeikh Mutawalli Al-Sha’rawi dalam konteks disiplin ilmu tafsir. Beliau memperkenalkan metodologi tersendiri dalam memahami tafsiran tafsir ‘ilmī. iaitu tafsir ‘ilmī al-naqli al-ijtima‘i dan membentuk satu kerangka tauhidik dalam memahami al-Quran (Selamat Amir & Zulkifli Mohd Yusoff 2017). Tinjauan terhadap Hamka dan al-Maraghi juga mendapati bahawa mereka memasukkan pentafsiran ‘ilmī dalam kitab tafsir masing-masing (Wan Helmy Shahriman Wan Ahmad, Sharifah Norshah Bani Syed Bidin & Kamarul Shukri Mat Teh 2017).

Kajian berkenaan Yusof Othman telah membawa sebuah pemikiran sains tauhidik untuk mengembalikan generasi dan tamadun Melayu yang mempunyai pengetahuan dan tasawur sains kemajuan dalam Islam. Tasawur ini mampu melahirkan saintis yang bertakwa dan memahami fenomena alam sama ada dalam kerangka sains mahupun agama. Bahasa Ibunda juga mestilah digunakan walaupun dalam bidang sains kerana bahasa ialah salah satu jalan untuk mencapai kemajuan bangsa dan negara (Hazwani Che Ab Rahman, Latif Samian & Nazri Muslim 2017). Ini senada dengan Khalijah Salleh yang turut membawa idea yang hampir sama iaitu menggabungkan nilai kebendaan, kemanusiaan dan kerohanian dalam gerak kerja saintifik (Asyikin Hamdan, Latif Samian & Nazri Muslim 2017).

Sa'id al-Andalusī melalui Kitab Tabaqat al-Umam juga menjelaskan istilah sains perlu difahami tanpa pemisahan antara bidang asalkan tujuan terakhir kajian adalah untuk mengenal diri, alam dan tuhan pencipta. Oleh itu pembangunan secara bersepadu dalam subjek sains perlu digiatkan untuk menolak kerakusan manusia menggali sumber alam dan sains (Mohd Zamrus Bin Mohd Ali 2019). Pembentukan ilmu baru dalam Teleologi Penyelidikan Sains menerusi mukadimah karya al-Khawarizmi, al-Biruni dan Ibn al-Haytham telah membawa pemikiran yang sama iaitu perhubungan antara kebenaran dan keberkatan dalam kajian teleologi sains dalam Islam. (Mohd Shahmir Alias 2019). Abdul Daem al-Kaheel pula telah menyumbangkan buah fikiran berbentuk sebuah pembangunan laman web al-Quran dan sains untuk memudahkan pengguna mencari ayat al-Quran yang berkaitan dengan penemuan saintifik. Cara ini membolehkan pengguna membuat rujukan dan mengetahui isi kandungan al-Quran dalam kerangka sains moden (Lukman Afandi & Monika@Munirah Abd Razzak 2019).

Jadual 1.4 Kajian Tafsīr ‘Ilmī Berdasarkan Pendidikan

Isu	Pengkaji	Tahun
Pendidikan psikologi	Kadar M. Yusuf	2014
Ilmu Sains Forensik	Syukran Baharuddin et. al	2015
Subjek CITRA UKM	Sharina Abu Hanifah et. al	2017
Pendidikan Rohani	Mohd Fuad Othman	2017
Pendidikan integrasi sains & agama	Nur Jannah Hassan	2017, 2018
Transdisciplinary Research Grant Scheme UM	Khadher Ahmad & Rozana Othman	2018
Ilmu Kejuruteraan Komputer	Bekir Karlik	2018
Ilmu sains dalam Juz ‘Amma	Mohamad Amir Mohd Dahalan	2019
Program Bioda’i	Zainun Mustafa et. al.	2019
Kursus Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam di politeknik	Fkrudin & Yusoff	2019
Ilmu terapi	Muhammad Zulqarnain	2019

Jadual 1.4 menunjukkan isu dalam kerangka pendidikan sains tauhidik yang diteroka oleh para penyelidik. Dalam pendidikan psikologi, Kadar M. Yusuf (2014) telah membuat kajian yang menunjukkan bahawa al-Quran menggalakkan manusia supaya berinteraksi dengan alam sekeliling termasuk dengan memanfaatkan sains dan teknologi. Ini boleh membawa kepada pembentukan sikap dan psikologi yang baik melalui indera zahir dan batin. Penyatuan kepada penggunaan kedua-dua indera ini akan melahirkan manusia yang sempurna. Dalam kajian ilmu sains forensik, didapati ia juga berkait dengan sains tauhidik yang mempunyai nilai yang tinggi dalam perbahasan fiqh Islami. Syukran Baharuddin et. al. (2015) telah membuktikan bahawa cap jari dan bau yang melekat pada baju seseorang adalah menunjukkan aplikasi sains forensik di dalam undang-undang Islam berdasarkan kepada perbahasan Maqasid Syariah.

Topik Sains Tauhidik ini secara umumnya mempunyai keunikan yang tersendiri, sehingga ia diperkenalkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dalam program CITRA melalui subjek yang bertajuk “Sains Tauhidik: Menggali Khazanah al-Quran”. Subjek ini telah mendapat tanggapan dan persepsi yang begitu

positif daripada pelajar. Mereka mengakui bahawa sains dan agama tidak terpisah dan mendokong antara satu sama lain (Sharina Abu Hanifah et al. 2017). Senada dengan usaha ini, Mohd Fuad Othman et. al. (2017) menegaskan bahawa pendidikan rohani melalui sains al-Quran adalah penting untuk menunjukkan manusia berkenaan akhlak dan etika amalan Islam dalam sains dan teknologi. Ia sekaligus menjadi sumber untuk mengenali Allah sebagai pencipta seluruh alam. Namun begitu, buku teks yang menggabungkan kesepadan elemen sains tabii dengan agama secara relatif masih berada di tahap yang rendah. Lantaran itu, Nur Jannah Hassan (2017) telah mengemukakan cadangan Pendidikan Integrasi Sains melalui penerapan konsep Ulul Albab dan kerangka Imam al-Ghazali secara menyeluruh di dalam buku teks kurikulum di sekolah menengah agama.

Selain di UKM, kajian berkenaan sains dalam al-Quran juga menjadi perhatian para penyelidik di Universiti Malaya melalui Transdisciplinary Research Grant Scheme yang mengkaji berkenaan tumbuhan dan herba dalam al-Quran dan Hadith. Penyelidikan secara bersilang bidang ini amat bermanfaat dan penting untuk memanfaatkan isi kandungan al-Quran melalui pelbagai bidang. Perkara ini banyak disentuh oleh Khadher Ahmad & Rozana Othman (2018) yang disebarluaskan melalui artikel, persidangan, buku dan seminar yang pelbagai. Contoh lain adalah seperti kajian oleh Bekir Karlik (2018) terhadap Surah Yusuf yang terbukti mempunyai perkaitan dengan ilmu kejuruteraan komputer melalui konsep pemindahan bau dan kaedah pengesan emosi seseorang. Selain Surah Yusuf, kajian Mohamad Amir Mohd Dahalan (2019) tentang dalil-dalil ‘ijaz di dalam surah Juz ‘Amma juga membuktikan bahawa ilmu astronomi, botani, meteorologi dan geografi mempunyai integrasi dengan ayat al-Quran berkenaan penciptaan buah, gunung, matahari, gempa bumi dan sebagainya.

Kepentingan Sains Tauhidik dalam wacana pendidikan integrasi sains dan al-Quran telah membuatkan Nur Jannah Hassan (2018) membuat kesimpulan bahawa penerapan elemen ini mesti dimulakan daripada awal umur pendidikan seseorang. Menurut beliau, gabungan ilmu sains tabii dengan pandangan ayat al-Quran berkenaan teologi, kosmologi dan aksiologi dapat melahirkan saintis yang kuat pegangan aqidah. Program Biota’i yang cuba mengintegrasikan biologi dan akhlak di sekolah menengah juga merupakan satu usaha yang baik untuk menerapkan program yang menepati pendidikan sains tauhidik kepada pelajar sekolah menengah (Zainun Mustafa, Nooraida Yakob & Zolkofli Awang 2019). Di institut pengajian tinggi, pengenalan Kursus ‘Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam’ di Politeknik Ungku Damai Ipoh juga menggambarkan reaksi positif dari aspek kandungan kursus dan pengajaran namun perlu ditambah baik dari segi strategi pembelajaran supaya mencapai kesannya yang optimum (Fkrudin & Yusoff 2019).

Dari sudut pendidikan kesihatan mental, Muhammad Zulqarnain (2019) dalam kajiannya membuktikan bahawa al-Quran merupakan satu terapi kepada manusia bagi berhadapan dengan perasaan bimbang dan takut akan kematian, kelaparan dan kehilangan harta benda. Oleh itu kajian ini mendapat bahawa elemen kerohanian yang disepadukan dengan rawatan moden mampu mempercepatkan penyembuhan penyakit.

Jadual 1.4 Kajian Tafsīr ‘Ilmī Berdasarkan Konsep, Teori & Kaedah Tafsir Sains

Isu	Pengkaji	Tahun
Penggalakan Kajian Sains Tauhidik	Muhammad Mubarak & Ibrahim Shogar	2015 & 2018
Konsep Motivasi	Shuaibu	2016
Konsep Pendefinisian Semula Ilmu Sains	Madani	2016
Perbandingan sains Islam dan Barat	Alias Azhar	2017
Pendefinisian Istilah Tafsir ‘Ilmi	Nor Syamimi	2017
Espistemologi Islam dalam memahami sains	Mohd Radhi	2019
Sains Tauhidik & Revolusi Industri 4.0	Wan Fariza	2019

Jadual 1.4 menunjukkan kajian berkenaan konsep, teori dan kaedah tafsīr ‘ilmī yang telah diterbitkan. Muhammad Mubarak (2015) dan Ibrahim Shogar (2018) dalam kajian mereka masing-masing telah mengemukakan konsep Penggalakan Kajian Sains Tauhidik yang memberi penekanan terhadap penyatuhan tauhid dan sains alam semesta supaya elemen pendidikan menjadi lebih berkesan. Sementara itu, Shuaibu U. Gokaru et. al (2016) pula mengetengahkan konsep motivasi dalam bidang sains tauhidik. Ini dapat meningkatkan dorongan serta kreativiti kepada umat Islam supaya menggunakan akal dan sumber alam untuk dimanfaatkan dalam pelbagai sudut dan ruang yang ada bagi kelangsungan kehidupan manusia yang sejahtera. Justeru, mata pelajaran sains akan menjadi tambah bermakna, terutamanya bagi para pelajar di pelbagai peringkat.

Kesedaran berkenaan dengan islamisasi ilmu sains telah membuatkan Madani (2016) mengetengahkan konsep pendefinisan semula ilmu sains supaya berselari dengan kerangka Islam. Ini supaya umat Islam tidak perlu lagi terlalu merujuk kepada Barat yang sebenarnya telah mencedok hasil penemuan sarjana Islam lalu mengubahsuai mengikut kerangka mereka. Menurut beliau lagi, penilaian semula ambilan ilmu sains dari Barat supaya dapat diberi definisi dan huraian yang tidak terpisah dari konsep ketauhidan adalah satu keperluan pada zaman sekarang. Ini telah membawa kepada kajian perbandingan sains Islam dan sains Barat seperti yang dilakukan oleh Alias Azhar (2017). Beliau mendapat kerangka ilmu sains Islam lebih unggul dan terkehadapan kerana Islam mempunyai sumber ilmu yang tetap dan benar iaitu al-Quran berbanding Barat yang banyak bergelumang dengan andaian melalui teori-teori yang pelbagai.

Rentetan daripada itu, Nor Syamimi Mohd et. al (2017) telah membuat kajian aspek sains ini dalam konteks pengajian tafsir. Melihat kepada perkembangan sains dan teknologi serta kepelbagaian definisi sarjana Islam berkenaan dengan tafsir ‘ilmī, beliau akhirnya menyimpulkan bahawa tafsir ‘ilmī lebih sesuai dikenali sebagai tafsir sains tauhidik bagi konteks zaman kini. Sesuai dengan perkembangan ini, Mohd Radhi Ibrahim (2019) telah membina kerangka ilmu epistemologi Islam dalam memahami sains. Ia bertujuan untuk menggabungkan ilmu naqli dan aqli dalam kehidupan seharian. Beliau percaya bahawa ilmu sains ialah ilmu yang asalnya datang daripada Islam itu sendiri seperti yang dinyatakan dalam ayat-ayat al-Quran.

Terkini, perbahasan dan kajian mengenai Sains Tauhidik ini telah dilanjutkan oleh Wan Fariza Alyati (2019) berkenaan epistemologi dan metodologi sains Islam yang diintergrasikan dengan Revolusi Industri 4.0. Beliau menegaskan bahawa Islam mempunyai acuan kemajuan sains teknologi yang tersendiri tanpa perlu mengikut telunjuk Barat dan mampu dikembang dan diperluaskan.

Jadual 1.5 Kajian Tafsīr ‘ilmī Berdasarkan Ilmu Astronomi

Isu	Pengkaji	Tahun
Perkembangan ilmu astronomi	Aizan Bt Ali	2015
Kelahiran dan kematian bintang	Wahab	2015

Jadual 1.5 menunjukkan kajian dalam bidang astronomi. Kajian oleh Aizan Bt Ali @ Mat Zin et. al. (2015) mendapat ilmu astronomi dalam konteks Malaysia berkembang atas faktor keperluan dalam menyempurnakan tanggungjawab agama. Ia berkaitan secara langsung dalam menentukan kalender hijrah, waktu solat, puasa dan arah kiblat, yang juga disebut sebagai Ilmu Falaq Syar’ie. Pada tahun yang sama, Wahab (2015) telah membuat kajian tentang kematian dan kelahiran bintang di angkasa dari perspektif tafsir sains tauhidik. Beliau mendapat penemuan sains moden mempunyai persamaan dengan penjelasan ulama dalam kitab-kitab tafsir. Oleh itu, penemuan sains moden yang berfungsi menguatkan lagi makna yang ingin disampaikan dalam al-Quran dengan syarat ia tidak bercanggah kandungan al-Quran itu sendiri.

Jadual 1.6 Kajian Tafsīr ‘Ilmī berkaitan aspek kesihatan

Isu	Pengkaji	Tahun
Kebaikan madu untuk memori	Kamrulzaidi	2014
Kebaikan kurma	Siti Sarah	2017
Kebaikan dan Keburukan Alkohol	Latifah et. Al	2018
Kebaikan kapur barus – Surah al-Insan		
Gaya Pemakanan Pemuda Kahfi	Muhammad Widus et. al.	2019
Kesan Zikir Kesihatan Mental	Siti Norlina Muhamad et. al.	2019
Al-Quran Terapi Minda	Mif Rohim Noyo Sarkun	2015
Kesan jerebu terhadap kesihatan	Naqiah Shahidan & Norsiah Fauzan	2015
	Ahmad Yunus et al.	2017

Jadual 1.6 menyatakan kajian berkenaan sains kesihatan.

Kamarulzaidi et. al. (2014) mendapati madu memberi kebaikan terhadap ingatan seseorang. Kajian beliau membuktikan amalan memakan madu Tualang dalam masyarakat Melayu boleh meningkatkan memori jangka panjang dan pendek. Selain madu, terdapat juga kajian berkenaan kebaikan buah kurma yang dijalankan oleh Siti Sarah Bt Izham et. al. (2017). Beliau menggabungkan fiqh hadith dan sains, dan mendapati bahawa terdapat beberapa campuran dengan buah kurma yang memudaratkan seperti campuran kurma dan kismis. Terdapat juga campuran yang bertujuan untuk memabukkan.

Seterusnya terdapat kajian oleh Latifah Mohd Noor et. al. (2018) berkenaan alkohol antara keburukan dan kebaikannya seperti yang dijelaskan dalam al-Quran dengan dirujuk silang melalui analisis sains. Beliau akhirnya membuktikan kewajaran dan rasional mengenai hukum pengharaman arak. Pada masa yang sama, tidak dinafikan juga kebaikan alkohol dalam produk kosmetik dan perubatan. Sementara itu, Muhammad Widus Sempo et. al. (2019) pula berjaya membuktikan manfaat kapur barus melalui kajiannya terhadap perkatan kafür dalam surah al-Insān. Beliau mendapati air kapur barus asli juga adalah salah satu perisa minuman yang diamalkan Nabi Muhammad. Penggunaan kapur barus dalam amalan herba masyarakat Melayu membuktikan bahawa ianya digunakan untuk membersihkan badan jenazah, pewangi dan bahan pengawet.

Sementara itu, Siti Norlina Muhamad et. al. (2019) pula membawa kajian yang menyeluruh dalam aspek pemakanan. Kajian beliau mendapati aspek pemakanan memberi kesan terhadap pemikiran dan gaya hidup. Ini telah berdasarkan kepada penelitian terhadap pemuda di dalam surah al-Kahfi. Kajian ini juga membuktikan bahawa contoh gaya hidup yang syumul telah ditunjukkan oleh Allah di dalam al-Quran.

Dari sudut kesihatan mental, Mif Rahim Noyo Sarkun (2015) telah mengkaji berkenaan pengaruh zikir terhadap kesihatan mental manusia. Dapatkan kajian membuktikan bahawa zikir mempunyai gelombang positif yang mengalir dalam otak, getaran jantung, saraf anak di dalam kandungan dan memberi kesan kepada tumbuhan. Ayat al-Quran juga merupakan salah satu sumber terapi minda. Ini dibuktikan melalui kajian Naqiah Shahidan & Norsiah Fauzan (2015) terhadap pembacaan dan pendengaran kepada surah al-Mulk telah membuktikan kawasan frontal, occipital dan parietal otak memberikan bacaan amplitud tertinggi apabila seseorang itu membaca al-Quran dan; apabila mendengar pula, kawasan prefrontal dan temporal menunjukkan bacaan amplitud tertinggi.

Berbeza dengan para pengkaji sebelum ini, Ahmad Yunus et al. (2017) pula mengkaji berkenaan kesan buruk jerebu terhadap kesihatan serta dirujuk silang dengan kandungan Surah al-Dukhan dalam al-Quran. Kajian beliau mendapati bahawa al-Dukhan sebagai bentuk azab yang datang dari Allah membawa maksud

amaran dan peringatan. Ini kerana jerebu datang daripada aktiviti antropogen yang menyebabkan hidung dan mata berair, kesukaran dalam pernafasan dan batuk kepada manusia

Jadual 1.7 Kajian Tafsīr ‘Ilmī Berdasarkan Kajian Warna

Isu	Pengkaji	Tahun
Warna hijau	Norwardatun	2019

Jadual 1.7 menunjukkan satu-satunya kajian yang ditemui berkenaan dengan warna hijau menurut perspektif al-Quran dan sains. Kajian oleh Norwardatun (2019) ini mendapati warna hijau dikaitkan dengan emosi yang positif dan menunjukkan kehendak manusia kepada alam semula jadi yang menjadi simbol kepada warna pokok dan warna bumi selepas turunnya hujan.

Jadual 1.8 Kajian Tafsīr ‘Ilmī Berdasarkan Angka

Isu	Pengkaji	Tahun
Keabsahan ‘ijaz angka astronomi	Abu Zaki	2016
Angka 19	Yousry	2016

Jadual 1.8 menunjukkan dua kajian berkenaan dengan angka dalam al-Quran. Pertama, kajian oleh Abu Zaki & Mohd Yakub@Zulkifli (2016) berkenaan dengan kemukjizatan al-Quran dari perspektif angka. Ia rentetan daripada timbulnya kefahaman mengaitkan angka dengan ramalan, atau untuk mengangkat mazhab dan keramat seseorang. Keabsahan teori ini diteliti dan menemui kesimpulan bahawa sepatutnya perbahasan berkenaan kemukjizatan al-Quran dari sudut angka ini tidak seharusnya membuatkan seseorang menyimpang dari tauhid kepada Allah.

Kajian kedua yang ditemui ialah berkenaan dengan nombor/angka 19 yang dikatakan mempunyai keistimewaan yang tersendiri dalam al-Quran. Yusri Sidarak (2016) akhirnya mendapati bahawa tidak terdapat mana-mana kajian akademik yang berintegriti yang boleh membuktikan mukjizat di sebalik angka tersebut. Selain itu, tidak terdapat bukti sejarah daripada ilmuwan Muslim terdahulu mengenainya.

Jadual 1.9 Kajian Tafsir Sains Tauhidik Berdasarkan Penciptaan Manusia

Isu	Pengkaji	Tahun
Tiga peringkat kegelapan	Hassanien	2015

Jadual 1.9 pula menunjukkan kajian berkenaan penciptaan manusia. Kajian tersebut adalah berkenaan proses kejadian di dalam rahim iaitu tiga peringkat kegelapan oleh Hassanien (2015). Kajian ini membuktikan bahawa tiga kegelapan yang disebut oleh al-Quran itu adalah sebaik-baik peringkat untuk kesihatan embrio. Sekiranya bayi tidak melalui proses kegelapan tersebut, anak di dalam kandungan ibu akan terjejas dan tidak boleh untuk membesar sempurna.

3. Analisis Dan Perbincangan

Artikel yang telah dikumpul, diasingkan dan dibahagikan mengikut topik seterusnya dianalisis mengikut jadual di bawah. Elemen yang diambil perhatian adalah mengikut tahun dan bilangan penerbitan setiap topik.

Jadual 1.10 Kesimpulan Bilangan Kajian Mengikut Kategori Dan Tahun Penerbitan

Topik	Tahun						Bil.
	2019	2018	2017	2016	2015	2014	
Kalimah	1	1	1				3
Terjemahan			1	1	1	1	4
Tokoh	3		3			2	8
Pendidikan	3	3	3			1	10
Teori	2		2	2	1		7
Astronomi					2		2
Kesihatan	2	1	2		3	1	9
Warna	1						1
Angka				2			2
Manusia					1		1
JUMLAH	12	5	12	5	8	5	

Jadual 1.10 menunjukkan analisis bilangan artikel yang diterbitkan mengikut tema daripada tahun 2014 sehingga 2019. Isu kajian yang paling banyak dijalankan menurut dapatan ini ialah berkenaan topik pendidikan iaitu sebanyak 10 kajian, diikuti topik kesihatan sebanyak 9 kajian dan topik tokoh sebanyak 8 kajian. Ketiga-tiga isu ini adalah tertinggi.

Bilangan penerbitan mengikut skop bidang ini menunjukkan dimensi pendidikan tafsir saintifik sememangnya mendapat tempat dalam kalangan pengkaji di Malaysia khususnya dalam bidang pendidikan. Begitu juga dengan perbincangan kesihatan yang ditekankan dalam al-Quran serta tokoh-tokoh yang banyak menyumbang idea dalam tafsīr ‘ilmī dan Sains Tauhidik ini. Seterusnya, kajian teori tafsīr ‘ilmī terdapat sebanyak 7 kajian diikuti tema berkenaan terjemahan 4 kajian, tema kalimah 3 kajian, tema astronomi dan tema angka 2 kajian serta warna dan bilangan masing-masing satu kajian. Manakala analisis mengikut tahun pula, 2019 dan 2017 masing-masing mencatat 12 kajian diikuti 8 kajian pada tahun 2016 dan 5 buah kajian pada tahun-tahun yang lain.

Perkembangan ini adalah satu yang positif bagi mengukuhkan konsep kesepaduan ilmu di peringkat pengajian tinggi. Kesepaduan ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah berteraskan konsep tauhid dapat direalisasikan semula melalui perbincangan ilmiah terhadap ayat Al-Quran. Secara tidak langsung aspek kerohanian dapat diperkuatkan dalam diri setiap individu kerana impak rohaniah ayat Al-Quran yang dapat mengukuhkan keimanan kepada Allah SWT. Selain itu, kesan daripada tadabbur ayat Al-Quran juga dapat memperkuatkan komitmen setiap individu tentang peranan sebagai khalifah agar dapat menguruskan alam dengan sebaik mungkin mengikut sunnatullah atau fitrah yang ditetapkan oleh Allah SWT (Al-Attas 2018, Mohd Farid & Roslili 2019).

Sepintas lalu kelihatan seperti fokus kajian sains yang dirujuk silang dengan al-Quran hanya tertumpu kepada aspek astronomi sahaja, terutamanya pada peringkat awal. Namun ini tidak menafikan sama sekali terdapatnya huraian-huraian ayat al-Quran selain daripada aspek astronomi oleh para sarjana Islam terdahulu yang juga bersifat saintifik. Para mufassir menghuraikan ayat-ayat kawniyah dalam al-Quran sesuai dengan teknologi dan penemuan sains pada zaman masing-masing. Penerokaan ini terus berkembang dari semasa ke semasa sehinggalah muncul istilah tafsīr ‘ilmī, sebagai nisbah terhadap pengkajian al-Quran yang berkaitan dengan sains dan teknologi.

Terkini, perbincangan berkenaan definisi, konsep dan perbahasan tafsīr ‘ilmī diperluaskan lagi dengan istilah tauhidik sebagai pelengkap kepada terjemahan tafsīr ‘ilmī dalam Bahasa Melayu iaitu Tafsir Sains

Tauhidik. Ini bagi menggantikan istilah sains dari Barat yang hanya bergantung kepada akal manusia dan menolak adanya kuasa Tuhan yang mentadbir alam buana. Kesannya, alam dieksplorasi dengan sikap rakus dan tamak demi keuntungan material sehingga menyebabkan berlaku kerosakan kepada alam. Kerosakan alam dalam bentuk kepupusan flora dan fauna serta pencemaran melampau turut membahayakan kehidupan manusia sendiri (Mohd Zaidi 2018).

Berbeza dengan konsep tafsīr ‘ilmī dan tafsir sains tauhidik, ia bermatlamat untuk menyerlahkan kemukjizatan al-Quran dari perspektif kajian saintifik serta penggunaan teknologi demi mendidik umat Islam kepada mentauhidkan Allah semata-mata serta menyerlahkan keagungan dan kehebatan Allah dalam jiwa manusia. Tafsir Sains Tauhidik juga membimbing manusia untuk memperlakukan alam dengan penuh hormat dan adab. Alam adalah makhluk Allah yang memiliki unsur rohani dan bukan semata-mata bersifat benda. Justeru, hubungan manusia dengan alam perlu berlangsung dengan adil dan harmoni meskipun alam ditundukkan kepada manusia untuk menguruskannya selaku khalifah (Mohd Farid & Nor Hartini 2018).

Dari sudut lain, kajian sains yang dibuat terhadap ayat-ayat kawniyah dalam al-Quran tidaklah sekali-kali untuk menjustifikasi keabsahan al-Quran. Al-Quran adalah wahyu yang bersifat thabit lagi terpelihara sementara sains pula adalah berasaskan kepada teori yang tabiatnya berubah-ubah. Apa sahaja dapatkan sains yang berselari dan menghuraikan kandungan al-Quran, maka penemuan tersebut diterima atas kebenaran al-Quran itu sendiri. Sebaliknya, mana-mana dapatkan sains yang bercanggah dengan al-Quran, maka ia kekal hanya sebagai teori sains semata-mata, dan tidak boleh dikaitkan dengan tafsīr ‘ilmī terhadap al-Quran.

Tafsīr ‘ilmī yang kini dijenamakan dan membuka cabang kajian ilmu baru berdasarkan istilah Tafsir Sains Tauhidik adalah bermatlamatkan untuk menzahirkan keunggulan al-Quran sebagai kalamullah yang bersifat mukjizat melalui penemuan sains. Kajian sains adalah untuk mengetahui kehebatan ciptaan Tuhan dan mengetahui penzahiran nama-nama Allah SWT kepada manusia agar lebih yakin kepada Allah SWT. Sebaliknya, bukanlah sains itu diangkat melebihi daripada al-Quran itu sendiri. Lantaran itu, bagi memastikan prinsip dan batas ini tidak diabaikan, sains tauhidik memegang kepada tiga entiti utama iaitu Tuhan, manusia, alam, al-Quran dan al-Sunnah semata-mata untuk kebenaran, keseimbangan dan keadilan (Sharina et al 2017).

Konsep Sains Tauhidik yang diperkenalkan oleh Khalijah Mohd Salleh dan diperjelaskan oleh Yusof Othman ini dilihat sebagai nafas baru dalam sistem pendidikan melalui pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana ia adalah alternatif dalam pendidikan sains konvensional atau sekular. Sains tauhidik mengambil kira kuasa pencipta dalam kejadian alam tabii yang hanya berlaku dengan izin Allah (Mohd Yusof 2013). Ia dilihat sesuai untuk dijadikan landasan penghubung antara al-Quran dan pentafsirannya dengan segenap disiplin keilmuan yang lain, bukan sahaja hanya terbatas dengan perbahasan Tafsīr ‘ilmī semata-mata.

Arena pengkajian Tafsīr ‘ilmī berpotensi untuk dikembangkan lagi dalam sudut yang lain. Contohnya kajian berkenaan sains al-Quran yang menyentuh nilai kemanusiaan dan syariat Islam Mohd Yusof (2013) untuk membendung masalah sosial, budaya hedonism dan LGBT yang semakin menunjukkan perkembangan negatif dalam kalangan umat Islam. Bahkan, perkembangan Tafsīr ‘ilmī ini juga membuatkan para pengkaji terus-menerus bertadabbur al-Quran sehingga merasai keterhubungan dengan Allah terutamanya melalui kajian terhadap ayat Kawniyah yang berkaitan dengan sains & teknologi secara langsung.

Penelitian dengan menggunakan sains & teknologi ini dilihat berselari dengan Revolusi Industri 4.0 yang sedang hangat diperkatakan kini. Ini kerana silibus pendidikan melalui sains tauhidik untuk mengembangkan cabang tafsīr ‘ilmī perlu disebar luaskan manfaatnya kepada seluruh umat manusia, sesuai dengan perkembangan semasa. Ia juga dapat dijadikan nilai tambah dalam kerangka Revolusi Pendidikan 4.0 supaya dapat mengimbangi antara domain kognitif dan domain afektif pelajar, terutamanya dalam memastikan keintelektualan yang digarap tetap terus terhubung dengan kekuasaan Allah SWT sebagai Rab yang Maha Mentadbir seluruh alam buana. Secara tidak langsung, insan Ulul Albab dapat benar-benar dibangunkan.

Selanjutnya, perbicaraan berkenaan dengan ‘keterhubungan dengan Allah’ sepanjang proses tadabbur al-Quran pula dapat mengembangkan konsep Lataif Quraniyah yang secara relatif masih baru dalam bidang pengajian Tafsir dari sudut Dirasah Ta’siliyah yakni penyusunan konsepnya secara sistematik. Imam al-Razi dinisbahkan sebagai pelopor kepada konsep Lataif Quraniyah ini lantaran beliau telah memberikan asas serta prinsip penting dalam memahami dan memperhalusi konsep ini dalam Mafatih al-Ghaib (Ahmad Fakhruzzaini & Wan Nasryudin 2019). Perkaitan yang amat rapat antara tadabbur, Tafsīr ‘ilmī dan Lataif Quraniyah menjadikan medan pengkajian dalam bidang al-Quran menjadi lebih signifikan apabila difokuskan kepada Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goal – SDGs) yang diistiharkan di peringkat global oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Azman 2019).

4. Kesimpulan

Kesejahteraan manusia secara holistik hanya dapat dicapai dan memulangkan manfaat yang banyak apabila wahyu Ilahi, yakni al-Quran dihubungkan dengan kajian sains dan perkembangan teknologi. Apabila penemuan sains sampai ke peringkat bersepakat dengan kandungan al-Quran, ia menunjukkan penemuan tersebut sudah mencapai tahap kematangannya. Jika tidak, kajian tersebut harus diulang teliti semula sehingga penemuannya berselari dengan kandungan al-Quran. Justeru, bidang pentafsiran tafsir ‘ilmī yang sedang mendapat tempat dalam kalangan para pengkaji masa kini adalah satu medan yang amat bermakna untuk mengikat segala kajian saintifik dengan al-Quran. Ia boleh diperkirakan sebagai suatu mekanisma tadabbur al-Quran yang tersendiri, yang dapat diperdalamkan lagi melalui konsep Lataif Quraniyah. Dengan itu, kemukjizatan al-Quran akan dapat lebih diserlahkan kepada masyarakat, di samping dapat dijadikan sarana dalam medan dakwah. Umat bukan sahaja dapat memahami dan menghayati intipati al-Quran, bahkan juga merasai keterhubungan dirinya dengan sifat Maha Pengasih Allah SWT pada dimensi kerohanian. Kemuncaknya, semua kajian dan lapangan keilmuan dapat diperhubungkan dengan al-Quran sebagai asas utama secara sistematis dan saintifik serta berselari pula dengan prinsip-prinsip pentafsiran al-Quran yang diwarisi zaman-berzaman secara bersanad daripada para ulama yang muktabar, insya-Allah.

Penghargaan: Artikel ini adalah sebahagian daripada daptan kajian dana penyelidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang didaftarkan melalui kod (GGPM-2019-017).

Rujukan

- Abu Hajar, Ahmad.Umar. 1991. *al-Tafsir al- 'Ilmi li al-Quran fi al-Mizan*. Beirut: Dar Qutaybah.
- Abu Zaki & Mohd Yakub@Zulkifli. 2016. Cabaran Dalam Mengketengahkan Kajian Angka Sebagai Mukjizat al-Quran. *Journal Quranica* 8(1): 47–72.
- Ahmad Bazli Ahmad Hilmi. 2014. Terjemahan Makna Ayat Kawniyyat Dalam Terjemahan Al-Qur' an Bahasa Melayu : Analisis Berdasarkan Tafsir ' Ilmi . Kuala Lumpur: Disertasi Ijazah Sarjana Usuludin Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Universiti Malaya.
- Ahmad Fakhruzzaki Mohamed Zabidi. 2018. *Konsep Al-Lataif Menurut Imam Fakhr Al-Din Al-Razi dalam Mafatih al-Ghayb*. Penerbit UKM Press. Malaysia.
- Ahmad Fakhruzzaki Mohammed Zabidi, Wan Nasyrudin Wan Abdullah. 2019. Manhaj Lata'if dalam Tafsir Imam al-Razi, *Jurnal Islamiyyat* 14(2): 51–59.
- Ahmad Bazli Ahmad Hilmi & Zulkifli MohdYusoff. 2017. The Review Of The Words Adna Al-Ard and Al-Ankabut In Malay TranslationOf Holy Quran: Analysis Guided By Science-Oriented Exegesis Methodology. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)* 2: 146–158.
- Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Zulkifli Haji Mohd Yusoff & SelamatA mir. 2015. Terjemahan Makna Kalimah Al-Muzn Dan Yasbahun: Satu Penilaian Semula Berdasarkan Kaedah Tafsir 'Ilmi. *Ulum Islamiyyah Journal* 16: 141–167.
- Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Zulkifli Haji Mohd Yusoff & Zulkarnain Bin Zakaria. 2016. The Meaning In Kawniyyat Versis Based On Science-Oriented Exegesis: An Evaluation Of The English Translation. *Journal Quranica* 8(1): 1–18.
- Ahmad Yunus Mohd Noor, Nor Azilah Abdul Wahab & Mokhtar, A. 2017. Fenomena Jerebu antara Perspektif Quran dan Sains Moden. *Sains Malaysiana* 46(10): 1743–1748.
- Aizan Bt Ali@Mat Zin, Khadijah Bt Ismail & Mohammaddin Bin Abdul Niri. 2015. Sejarah Dan Faktor Perkembangan Astronomi Islam Di Malaysia: Satu Penelitian. *Jurnal al-Tamaddun* 10(1): 1–18.
- Al-Dhahabī, M.H. 2000. *Al-Tafsīr wa al-Mufassirūn Juz 1*. Maktabah Wahbah.
- Al-Rumi, F. 'Abd al-R.S. 1997. *Ittijahat al-Tafsir fi al-Qarn al-Rabi'*. Cet. 7. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Alias Azhar. 2017. Sains Islam Vs Sains Barat : Analisis Amalan Dan Perbandingan. *Jurnal Ulum Islamiyyah USIM* 21: 25–41.
- Asyikin Hamdan, N., Latif Samian, A. & Nazri Muslim. 2017. Pandangan Khalijah Salleh Terhadap Sains Tauhidik ke Arah Membangunkan Tamadun Melayu. *Jurnal Sains Insani*. 2: 54-60.

- Azman Ab Rahman. 2019. Pengurusan Institusi Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG): Management of Zakat Institution Based on Maqasid Syariah And Sustainable Development Goals (SDG). *Journal of Fatwa Management and Research* 17(2): 42-59.
- Azree S.Nazri & Mazhar Anuar. 2019. Tafsiran Kontemporari Ayat Pertama Dan Kedua Surah At-Takwir Menggunakan Kerangka Bucailleisme dan Golshanime. *Jurnal Quranica* 11(1): 91–106.
- Bekir Karlik. 2018. The Meaning Of Selected Miracles Of The Quran Through The Eyes Of Computer Engineering. *Journal al-Shajarah* 23(2):275-293.
- Fkrudin, A. & Yusoff, M. 2019. Penerimaan Pelajar terhadap Pelaksanaan Kursus Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam di Politeknik. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs (JQSS)* 3: 37–48.
- Hassanien, G.H.E. 2015. Hyperfine Description Of Human Creation In The Three Dark Zones In Quran. *Quranica* 7(2): 1–10.
- Hazwani Che Ab Rahman, Latif Samian, A. & Nazri Muslim. 2017. Pemikiran Mohd Yusof Othman Dalam Sains Tauhidik Ke Arah Membangunkan Tamadun Melayu. *Sains Insani* 2(2): 29-39.
- Kadar M. Yusuf. 2014. Indera Manusia Menurut Al-Quran Dan Psikologi Konvensional : Suatu Kajian Perbandingan. *Jurnal Hadhari* 6(2): 55–69.
- Kamarulzaidi, M.A., Yusoff, M.Y.Z.M., Sharifah, D. & Adli, H. 2014. Quranic Advocation Of Honey Consumption And Its Application Towards Memory Enhancement. *Quranica* 6(1): 17-32..
- Khadher Ahmad & Rozana Othman. 2018. The Role of Academy of Islamic Studies , University of Malaya , In Research On Plants and Herbs Mentioned in The Quran and Hadith. *Journal Research In Islamic Studies* 5(3): 19–29.
- Latifah Mohd Noor, Siti Rubaini Mat, Norhakimah Dhiaudin & Afif Arifin. 2018. Alkohol : Definisi , Pengharaman , Metabolisme Dan Kegunaannya. *Ulum Islamiyyah Journal* 23: 97-114..
- Lukman Afandi & Monika@Munirah Abd Razzak. 2019. An Application and Contribution of Abduldaem Al-Kaheel’s Website towards Quranic Learning in thw Perspective of Modern Science. *Journal of Usuluddin* 47(1): 123–150.
- Madani, R.A. 2016. Islamization of Science. *International Journal Of Islamic Thought* 9: 51–63.
- Mazlan Ibrahim. 2002. *Sejarah dan Pandangan Ulama Tafsir Mengenai Tafsir Ilmiy*. Edisi ke-1. Karisma Publications.
- Mif Rohim Noyo Sarkun. 2015. Pengaruh Zikrullah Pada Mansia Menurut Perspektif Sains. *Sains Humanika* 2: 41–46.
- Mohamad Amir Mohd Dahalan. 2019. Hubungan Dilalah Ijaz dalam Juz ‘ Amma dengan Alam dan Penciptanya. *Journal GJAT* 9(1): 93–112.
- Mohd Syahmir Alias. 2014. Pola Penyelidikan Saintifik Dari Perspektif Ibn Al-Haytham. *Jurnal Hadhari* 6: 113–130.
- Mohd Syahmir Alias. 2015. Konsepsi Kebenaran dalam Penyelidikan Saintifik : Analisis Pemikiran Ibn al-Haytham *Jurnal Usuluddin* 42: 101–123.
- Mohd Farid Mohd Shahran & Nor Hartini Saari. 2018. *Keberkesanan Kurikulum Mata Pelajaran Pendidikan Islam bagi Menghadapi Cabaran Masa Kini*. Kuala Lumpur: IKIM
- Mohd. Farid Mohd Shahran & Wan Roslili Abd. Majid. 2019. *Al-Quran dan Peradaban*. Kuala Lumpur: IKIM
- Mohd Fuad Othman, Mohd Aderi Che Noh, Maimun Aqsha Lubis & Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan. 2017. Pendidikan Rohani Berasaskan Sains al-Quran. *Asean Comparative Eduvation Research Journal On Islam and Civilazation* 1: 64–77.
- Mohd Radhi Ibrahim. 2019. Memahami Sains Islam Melalui Pembentukan Kerangka Ilmu dalam Epistemologi Islam. *Journal al-'Abqari* 20: 99–115.
- Mohd Shahmir Alias. 2014. Tasawur Pemikiran Saintifik Ibn al-Haytham. *Sains Humanika* 1: 179–187.
- Mohd Shahmir Alias. 2019. Analisis Teleologi Penyelidikan Sains Berdasarkan Mukadimah Adikarya al-Khawarizmi, Ibn al-Haytham dan al-Biruni. *Jurnal Hadhari* 11(2): 179–194.

- Mohd Zaidi Ismail. 2018. *Aqal, Ilmu dan Pendidikan Kerangka Ahli Sunnah wa'l Jama'ah*. Kuala Lumpur. IKIM.
- Mohd Zamrus Bin Mohd Ali. 2019. Sains Menurut Sa'id al-Andalus Menerusi Kitab Tabaqat al-Umam. *Jurnal al-Tamaddun* 14(2): 37–49.
- Muhammad Mubarak Habib Mohamed. 2017. The ‘Mathanian’ Character of the Qur'an: An Approach for a Scientific Exegesis. *Journal Revelation and Science* 07(02): 1–9.
- Muhammad Mubarak Habib Mohamed. 2015. The Qur'an and the Scientific Spirit: An Exploration of Key Issues. *Revelation and Science* 05(01): 34–45.
- Muhammad Widus Sempo, Nurulwahidah Fauzi, Robiatul Adawiyah Mohd@Amat & Norzulaili Mohd Ghazali. 2019. Kearifan Temooatan Mengenai kapur Barus (*Cinnamomum Camphora*) Menurut Perpektif Islam Dan Budaya Masyarakat Melayu Abad Ke 19M. *Journal al-'Abqari* 19: 76–90.
- Muhammad Zulqarnain. 2019. Quranic Exegesis From Psychological Perspective: An Application Of Quranic Therapy In Generalized Anxiety Disorder. *Quranica* 11(2): 22–37.
- Naqiah Shahidan, S. & Norsiah Fauzan. 2015. Al-Quran Untuk Terapi Minda dan Penyembuhan: Kajian menggunakan Quantitative Electroencephalograph (qEEG). *Jurnal GJAT* 5(2): 99–110.
- Nor Syamimi Mohd, Haziyah Husin & Wan Nasryrudin Wan Abdullah. 2017. Pendefinisian Semula Istilah Tafsir 'Ilmi. *Jurnal Islamiyyat* 38(2): 149–154.
- Norwardatun Mohamed Razali. 2019. Warna Hijau Menurut Perspektif al-Quran: Satu Analisis Awal. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah* 15(1): 14–28.
- Nur Jannah Hassan. 2017. Constructing Islamic Secondary School Curricula and Textbooks for Natural Science: An Integration Framework Based on the Ulu al-Albab Model. *Journal of Quran and Sunnah Studies (al-Burhan)* 1(1): 20–37.
- Nur Jannah Hassan. 2018. Integration Of The Quranic Worldview With Natural Science: Answering The Long Call For Islamic Secondary Schools. *Journal of Quran and Sunnah Studies (al-Burhan)* 2(1): 18–34.
- Othman, M. Y. H. (2014). Islamic science (tawhidic): Toward sustainable development. イスラーム世界研究: Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies, 7, 110–123.
- Saipolbarin Ramli. 2018. Analisis Leksikografi dan Semantik Perkataan al-Kafur dalam Al-Quran. *Journal Of Language Studies* 18(2): 267–283.
- Selamat Amir & Zulkifli Mohd Yusoff. 2017. The Contemporary Scientific Interpretation Of Quran: A Review On Al-Sha'rawi's Method In Tafsir. *Quranica* 9(1): 51–66.
- Sharina Abu Hanifah, Fazly Rahim, Zanaton H. Iksan & Wan Nasryrudin Wan Abdullah. 2017. Pengintegrasian Sains Tauhidik : Persepsi Peserta. *Ulum Islamiyyah Journal* 21: 43–60.
- Shuaibu U. Gokaru, Aizan A. @ Matzin & Faisal @ Ahmad F. A. H. 2016. Quranic Guidance On The Ways And Means To Restore The Vigorous Study Of Natural Acience In Contemporary Muslim Societies. *Quranica* 8(2): 37–52.
- Siti Norlina Muhamad, Farahwahida Mohd Yusof, Ahmad Ziyaadi Al-Hatim Mahpuz, Hanisah Abdul Rahman & Asma Nurul 'Aqilah Mahpuz. 2019. Pola Pemakanan Dan Kesannya Terhadap Gaya Hidup Dan Pemikiran Individu : Analisis Terhadap Surah Al-Kahfi. *Ulum Islamiyyah Journal* 26: 53–61.
- Siti Sarah Izham, Khadher Ahmad & Zulkifli Mohd Yusoff. 2017. Phonex Dactylifera Dalam al-Quran Dan Sunnah: Kajian Terhadap Pencampuran Ke Atanya Menurut Fiqh Al-Hadith Dan Sains. *Quranica* 9(1): 93–106.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 2018. *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur. Ta'dib International Foundation.
- Syukran Baharuddin, A., Aminuddin Ruskam & Abdul Rahim Yacob. 2015. Prinsip Asas Sains Forensik dari Perspektif Islam : Suatu Sorotan Literatur. *Sains Humanika* (4)(2): 7–15.
- Tazli Sham Ab. Rahman & Monika @ Munirah Abd. Razzak. 2014. Contributions Of Shaykh 'Abd Al-Majid Al-Zindani To Al-'Ijaz Al-'Ilmi. *Research In Islamic Studies* 1(2): 46–62.
- Usep Muhammad Ishaq & Wan Mohd Nor Wan Daud. 2017. Falsafah Sains Ibn Al-Haytham Dengan Rujukan Khas Kepada Kitab Thamarah al-Hikmah. *Afkar* 19(2): 33–72.

- Wahab, R.A. 2015. Life and Death of Stars : An Analysis from Islamic and Modern Astronomy Perspectives International Proceedings of Economic Development and Research 83: 89–93.
- Wan Helmy Shahriman Wan Ahmad, Sharifah Norshah Bani Syed Bidin & Kamarul Shukri Mat Teh. 2017. Metode Pentafsiran Al-Ilmiy Hamka Dan Al-Maraghiy Terhadap Ayat-Ayat Al-Kawniyyah : Satu Perbandingan. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari 15: 99–112.
- Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. 2019. Epistemologi dan Metodologi Sains Islam di Era Revolusi Industri 4.0. Islamiyyat 41(1): 13–23.
- Yousry Sidrak. 2016. A Mathematical And Historical Analysis And Verification Of The Miraculous Number Nineteen In The Noble Quran. Quranica 8(2): 19–36.
- Yūsuf al-Qardāwī. 2000. *Kayfa Nata 'āmal Ma 'a al-Qur'an al-‘Ażīm*. Qāhirah: Dār al-Shurūq.
- Zainun Mustafa, Nooraida Yakob & Zolkofli Awang. 2019. Ulasan Komprehensif Terhadap Prinsip, Matlamat dan Pelaksanaan Konsep Pendudukan Sains Secara Tauhidik Dalam Program Bioda'i. Jurnal Hadhari 11(2): 195–212.